

Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang

Hashim Hj. Musa

hasyim@fbmk.upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Normahdiah Sheik Said

norma@fbmk.upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Rozita Che Rodi

rozita.cherodi@yahoo.com

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Siti Sarah Ab Karim

ambiaus@yahoo.com

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Artikel ini menelusuri warisan sifat keperibadian sosial orang Melayu yang tersemam dalam hati budinya atau “psyche”, dan terjelma dalam tindak-tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, pemikiran dan ilmunya. Hashim Hj. Musa (2008) berdasarkan kajian tentang puisi Melayu tradisional yang menyentuh tentang simpulan bahasa, pepatah, dan pantun Melayu lama, telah menubuhkan dua puluh enam (26) teras hati budi Melayu. Orang-orang yang menghayatinya pula dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat. Mereka itu dinamakan sebagai orang ‘budiman’ iaitu berbudi pekerti dan adab sopan yang mulia, berbudi bahasa dan budi bicara yang santun, bernas dan berwibawa, dan berhati budi yang tinggi dan bijaksana. Namun sifat ini boleh terhakis disebabkan oleh sifat dalaman yang buruk, dan juga oleh pengaruh luaran yang asing, seperti yang pernah terjadi dalam sejarah yang telah menyebabkan kejatuhan kerajaan Melaka, dan dalam zaman kini muncul dalam pelbagai gejala sosial yang buruk. Demi meneliti keadaan hati budi orang Melayu, kajian ini dilakukan untuk mengukur sejauh mana keakuran atau penyimpangan teras hati budi Melayu dalam kalangan orang Melayu kini. Hasil penyelidikan awal menunjukkan bahawa orang Melayu masih ada agamanya, nilai murninya, hakikat ilmunya tetapi masih agak lemah dari segi didikan yang menyebabkan kerosakan dalam tingkah laku dan budi pekerti. Oleh yang demikian daya usaha pemupukan kembali 26 teras hati budi itu pada

masa kini sangat mendesak demi menjana dan membina umat Melayu masa depan yang gemilang.

Katakunci: hati budi Melayu, nilai murni, puisi Melayu, penyakit hati, perisian penilaian sendiri.

Researching Malay Social Character Traits To Regenerate Malay Qualities Of Par Excellence

Abstract

This article analyses social character traits of the Malays nurtured into their psyche and manifested in their behaviours, manner of speeches, values and norms, thoughts and knowledge. Based on traditional Malay sayings, poems, proverbs and verses, Hashim Hj. Musa (2008) was able to establish 26 core Malay psyches or social character traits. Those who were able to adopt these traits were considered to have high moral and ethical values and were highly respected by the Malay society. They were regarded as the gentiles and has acquired three noble traits, namely, (1) good-natured, well-mannered and urbane, (2) polite, sensible and insightful in speech, and (3) wise and knowledgeable. In order to discover the condition of the Malays today, a study was carried out to determine the degrees of conformity or divergence from these 26 core social character traits. Findings showed that the Malays still retain their religious, ethical and moral values, and basic knowledge, but are weak in upbringing and nurturing traits resulting in negative and defective social behaviour and inability to put into practice what they know. This is the main factor that gives rise to social ills and decadence in the Malay society of the past and present. Thus efforts and striving to nurture, instil and redevelop those 26 core social character traits among the Malays of today, is of paramount importance to rekindle and regenerate their inner qualities and strength in order to achieve the qualities of of par excellence.

Keywords: Malay psyche, noble values, Malay traditional poems, diseases of the heart, self-diagnostic software.

Keunggulan Umat Melayu

Andaian dasar artikel ini ialah bahawasanya orang Melayu memang handal, bijak dan tangkas, kerana mempunyai hati budi yang kukuh dan luhur seperti yang akan diterangkan dalam artikel ini seterusnya. Kerajaan Melayu dikatakan bermula di suatu tempat yang kecil sekitar daerah Jambi di Sungai Batang Hari (inskripsi China 644 M menyebut nama *Mo-lo-yu*), merebak ke daerah Palembang di Sungai Musi dan membentuk Empayar Srivijaya (catatan Yijing 689-95 M), seterusnya ke Empayar Melaka bertaraf dunia (Abad ke-15 M) dan pusat-pusat yang lain lagi. Melayu sebagai

entiti budaya (bukan etnik) telah mendominasi wilayah yang luas terkenal dengan nama Kepulauan Melayu atau “*the Malay archipelago*”. Umat Melayu telah berupaya “me-Melayukan” lebih daripada dua ratus kumpulan etnik dengan bahasa dan budaya Melayu misalnya Melayu Aceh, Melayu Minang, Melayu Mendailing, Melayu Siak, Melayu Rokan, Melayu Riau, Melayu Banjar, Melayu Brunei, Melayu Sarawak, Melayu Bugis, Melayu Sulu, Melayu Patani, Melanau, Jawa, Sunda, Madura, Sumbawa, dan lain-lain. (Sila lihat Hashim Hj. Musa, 2005, hlm. 208, dan Raja Ali Haji, 1932/1965, halaman 181-182).

Pemacu bagi kedinamikan sifat Melayu demikian ialah ‘teras hati budinya’. Selama hampir 1000 tahun sejak zaman Empayar Srivijaya (abad ke-7) sehingga ke zaman penjajahan kolonialis Barat (bermula pada abad ke-16), perairan di Kepulauan Melayu dan sekitarnya merupakan medan dan gelanggang perdagangan dan aktiviti maritim rumpun Melayu. Masyarakat Melayu pada zaman itu merupakan sekelompok manusia yang amat gigih mengharungi lautan dan perairan di Selat Melaka, Selat Sunda, Selat Mekassar, Laut Sulu, Laut Sulawesi, Laut Maluku, Laut China Selatan, Lautan Hindi, Teluk Benggala, Teluk Siam, Laut Arab, dan bahkan sampai ke Laut Merah di Afrika.

Pusat-pusat perniagaan maritim di wilayah rumpun Melayu telah dikunjungi oleh pelbagai pedagang dan pengembara daripada China, India, Eropah, Arab, Farsi, India, Burma, Siam, dan lain-lain. Raja-raja dan pembesar rumpun Melayu merupakan pemodal dan usahawan yang gigih, manakala perwira, malim dan kelasi kapal mereka merupakan pelaut yang handal. Kapal-kapal dagangan mereka telah sampai di pelabuhan negeri China, Famosa, Indo-China, Siam, Burma, India, Arab bahkan ada yang sampai di Afrika Utara. (Sila lihat Cortesao (ed.), 1944, hlm. 283, dan Muhammad Yusoff Hashim, 1989, hlm. 261)

Simon Elegant dalam *Far Eastern Economic Review* (1999: hlm. 45), menegaskan:

Five centuries ago, Malacca hosted 2,000 ships each day, as many as the crowd in the modern-day Singapore, which boasts of being one of the world’s three busiest ports. Cargoes of mace, nutmeg, cloves, sandalwood, tea, porcelains and silks passed through Malacca on their way to Europe.

From the islands of the Archipelago... came camphor, birds’ nests, pepper, musk, gold and ivory. And from the West, mostly carried by traders from South Asia and the Middle East, came cotton, weapons, incense, opium, dyes, silver and medicinal drugs, as well as occasional bands of adventurous Portuguese...

It was a place where Gujratis, Tamils and Bengalis from India lived and traded in secure harmony with Malays, Chinese and Arabs... A city of 100,000 people where 84 languages could be heard in the markets.

The Malay sultans who ruled Malacca ensured that the strait was free of pirates. Goods could be stored safely in hundreds of well-guarded godowns, and in case of disputes, the city’s law were administered fairly to both Malaccans and foreigners.

Demikianlah orang Melayu pernah dan mampu membina tamadun bertaraf dunia pada masa dulu, kini dan akan datang melalui pembentukan hati budinya yang luhur dan unggul.

Hati Budi Melayu dalam Gambaran Puisi Melayu Lama

Hati budi ialah hakikat diri seorang manusia. ‘Hati’ tempat perasaan, kesedaran, keyakinan, dorongan (*drive*), dan juga tempat penerima hidayat Ilahi iaitu ‘hati nurani’. (Sila lihat Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 4-6). ‘Budi’ ialah akal; daya fikir untuk memahami sesuatu perkara, dan kebolehan untuk berdalil dan menyimpulkan secara rasional, juga merupakan kepandaian, keupayaan dan kebijaksanaan yang mampu melahirkan seorang yang “budiman”. (Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 12)

Hati dan budi bertindak secara berintegrasi dalam diri seseorang sebagai satu kesatuan sehingga terjelma dalam tindak tanduk, budi pekerti, budi bahasa, nilai, norma, pemikiran dan ilmunya, dan melahirkan sifat keperibadian atau identitinya secara individu dan secara kemasyarakatan apabila sifat itu dimiliki sepunya oleh masyarakat itu secara kolektif. Namun, seperti yang ditegaskan oleh Lee Su Kim (2003, hlm. 410) bahawa identiti atau jati diri tidak mudah ditakrifkan:

Identity is not easy to define - it is best seen as a plurality and not a unitary construct. Identity is the individual's concept of the self, as well as the individual's interpretation of the social definition of the self, within his/her inner group and the larger society. Identity formation is not simply a conscious process but is influenced by unconscious psychological processes (DeVos, 1992). Identity is a dynamic, complex and ongoing process. Norton (1997) defines identity as, “how people understand their relationship to the outside world, how that relationship is constructed across time and space, and how people understand their possibilities for the future.

Dalam artikel ini identiti atau jati diri tidak dilihat dari sudut psikologi individu atau sifat keperibadian dalam dirinya tetapi dari sudut keperibadian sosial iaitu hubungan individu dengan masyarakatnya; bagaimana individu itu bertindak dan berkelakuan dalam hubungan dengan masyarakatnya. Oleh yang demikian identiti atau jati diri sosial boleh disamakan secara kasar dengan keperibadian sosial atau *social character*. Dalam artikel ini konsep keperibadian sosial diasaskan atas pendapat yang dikemukakan oleh Fromm (1942, Appendix 1-2), yang mentakrifkan keperibadian sosial atau *social character* seperti berikut:

The social character comprises only a selection of traits, the essential nucleus of the character structure of most members of a group which has developed as the result of the basic experiences and mode of life common to that group... Character in the dynamic sense of analytic psychology is the specific form in which human energy is shaped by the dynamic

adaptation of human needs to the particular mode of existence of a given society. Character in its turn determines the thinking, feeling, and acting of individuals.

Sifat keperibadian sosial dalam artikel ini disamakan dengan konsep hati budi. Puisi Melayu lama menyatakan komponen teras hati budi Melayu sebagai paksi dan panduan berperlakuan bagi anggota masyarakat demi menjaga kerukunan, kesejahteraan dan kejayaannya. Contohnya:

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa;
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa.
Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.
Di sana padi di sini padi,
Baru bernama sawah dan bendang;
Di sana budi di sini budi,
Baru sempurna bernama orang.*
(Hashim Hj Musa, 2001, hlm.80)

Puisi Melayu lama ialah bentuk bahasa yang diolah secara berentak dan berirama dengan pemilihan kata yang memikat hati budi sehingga mudah melekat dalam ingatan. Puisi Melayu lama asalnya berbentuk lisan, merupakan khazanah warisan kebijaksanaan Melayu zaman berzaman, misalnya pepatah, pantun, gurindam dan peribahasa, mengandungi ungkapan yang padat, yang berentak dan berirama dari segi bunyinya, indah dan menarik dari segi penggunaan perkataan, perlambangan dan maknanya, dan persis serta padat dari segi mesej dan amanatnya. Dari segi amanat atau mesej bentuk-bentuk puisi itu boleh bersifat nasihat, tunjuk ajar, teguran, larangan atau pernyataan madah dan hikmah.

Penciptaannya oleh anggota masyarakat bijak pandai ialah secara anonim, kolektif dan akumulatif dalam sejarah, iaitu berdasarkan pemerhatian dan cerapan akal dan “peng-`alam`-an” hidup terhadap alam dan budaya mereka, yang mencerminkan kebijaksanaan, persepsi, sikap, dan falsafah hidup masyarakat yang diwarisi zaman berzaman. Satu contoh yang dapat dilihat dalam pantun enam kerat, ialah seperti berikut:

*Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga,
Yang keras itu takal;
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa,
Yang cerdas itu akal.*
(Hashim Hj Musa, 2008: hlm.2)

Tiga kerat pertama ialah pembayang maksud terdiri daripada unsur alam yang zahiriah yang ditanggapi manusia Melayu melalui cerapan akal budinya terhadap persekitaran alam, yang menyatakan kebenaran bersifat alamiah atau natural. Kundi iaitu biji yang telah lama digunakan sebagai penimbal dalam kerja menimbang, telah berbentuk kurik iaitu berbintik-bintik dan lusuh. Biji saga pula yang masih baharu, masih berwarna merah dan segar. Manakala takal iaitu alat untuk menarik dan mengangkat benda yang berat seharusnya keras dan kental. Inilah kebenaran alamiah yang berada dalam ekologi budaya orang Melayu.

Sedangkan tiga kerat kedua pula ialah maksudnya, yang mempernyatakan kebenaran yang bersifat rohaniah, iaitu yang baik ialah budi, yang indah ialah bahasa dan yang cerdas ialah akal. Pengungkapan, perlambangan dan pemaknaan yang indah, berirama dan tepat jitu demikian menyemai dan memupuk rasa yakin dan percaya dalam hati kalbu orang Melayu tentang kebenaran dan kemurnian budi yang baik, bahasa yang indah dan akal yang cerdas, sepertilah benarnya kundi yang kurik, saga yang merah dan takal yang keras dalam alam persekitarannya.

Secara umumnya, peribahasa, pepatah dan pantun Melayu lama berdasarkan fungsi dan amanat, boleh digolongkan ke dalam tiga jenis yang berbeza dan ketiga-tiga jenis itu tidak boleh dicampuradukkan dari segi fungsi dan mesejnya, iaitu a) jenis tunjuk ajar (suruhan), b) jenis tegahan (larangan), dan c) jenis pernyataan suasana, keadaan atau realiti. Contohnya:

a) Jenis tunjuk ajar (suruhan):

*Adat hidup Melayu terpuji,
Sesama makhluk bersuci hati,
Kepada orang bertanam budi,
Memberi tidak mengharap ganti.*

*Berakit-rakit ke hulu,
Berenang-renang di tepian;
Bersakit-sakit dahulu,
Bersenang-senang kemudian.*

Peribahasa jenis ini merupakan anjuran dan tunjuk ajar supaya kita berusaha melakukannya, misalnya sesama kita mesti bersuci hati, bertanam budi, bersusah-susah dahulu dan bersenang-senang kemudian.

b) Jenis tegahan (larangan):

*Guru kencing berdiri,
Murid kencing berlari*

*Bagai nakhoda kasap,
Hujung hilang pangkal lesap.*

Peribahasa jenis ini merupakan tegahan supaya kita tidak melakukannya, jangan guru kencing berdiri, nanti murid kencing berlari, jangan menjadi nakhoda atau pemimpin yang tidak ada wawasan nanti akan hilang segala-galanya.

c) Pernyataan keadaan, suasana, realiti:

*Untung sabut timbul,
Untung batu tenggelam.*

Rezeki secupak tak akan menjadi segantang.

Nasi sudah menjadi bubur.

*Bagaimana tidak menggigit telunjuk,
Melihat air hujan turun keruh.*

Peribahasa jenis ini hanya menyatakan hukum alam yang sentiasa berlaku, misalnya sabut timbul, batu tenggelam, rezeki yang telah ditentukan Tuhan hanya secupak tidak akan menjadi segantang, kalau nasi sudah menjadi bubur, iaitu sudah terlanjur dan terlewat bagaimana hendak menyelamatkannya, dan kalau air hujan turun keruh, iaitu sesuatu yang ditakdirkan demikian, kita tidak boleh berbuat apa-apa lagi.

Teras Hati Budi Melayu

Berdasarkan puisi Melayu lama iaitu gurindam, syair, simpulan bahasa, pepatah dan pantun Melayu yang menganjurkan nilai-nilai murni dalam budi bahasa, budi pekerti dan budi bicara, maka beberapa teras hati budi Melayu dapat ditubuhkan. “Teras hati budi Melayu” ialah beberapa unsur keperibadian sosial (*social character*) yang menjadi pemusatan utama struktur peribadi kebanyakan orang Melayu, terbentuk akibat pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama oleh mereka dalam sejarahnya. Keperibadian teras ini apabila disemai dan dipupuk melalui proses sosialisasi dan pembudayaan yang sempurna, akan melahirkan para ‘budiman’ dalam masyarakat iaitu “peribadi mithali” atau ideal yang diidamkan.

Dalam proses pembudayaan teras hati budi itu kepada orang Melayu iaitu melalui proses *ta’adib* (penyamaian adab), *ta`alim* (penyemaian ilmu), *tazkirah* (penyucian diri), maka pelbagai darjah pencapaian telah dan akan berlaku. Ada pencapaiannya sebahagian sahaja dan ada yang hampir semuanya tercapai di kalangan anggota masyarakat untuk menuju ke arah bentuk peribadi idaman iaitu para ‘budiman’. Mereka yang gagal atau menyeleweng dianggap ‘kurang ajar’ atau ‘kurang adab’ dan yang terburuk sekali ialah yang ‘biadab, bacul dan khianat’. Proses pembudayaan dan pemasyarakatan unsur teras itu akan berjalan terus menerus daripada buaian sehingga ke liang lahad. (Hashim Hj. Musa (2008, hlm. 6))

Dua puluh enam (26) teras hati budi Melayu, menjadi asas kekuatan peribadi Melayu dan masyarakatnya, demi membentuk para “budiman” yang merupakan modal insan yang unggul, handal, dan tangkas dalam pembinaan peradabannya. Dua puluh enam teras hati budi itu berserta dengan puisi Melayu yang mendukungnya, dapat disenaraikan seperti berikut (Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 7 dan Tenas Effendi, 2004), iaitu:

1. Hidup berteraskan agama Islam:

*Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan syara'.
Syara` bersendikan Kitabullah,
Syara' mengatakan adat memakai,
Ya kata syara`, benar kata adat.*

2. Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal:

*Apalah isi tunjuk ajar Melayu,
Syara` dan sunnah ilmu yang benar.
Yang disebut tunjuk ajar Melayu:
Mencelikkan mata,
Menyaringkan telinga,
Membersihkan hati,
Menyempurnakan budi,
Mombaikkan pekerti.*

3. Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan & kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu:

*Bila bekerja tekun dan sabar,
Punca rezeki terbuka lebar.
Berfaedah pada diri, bertuah pada negeri,
Bermanfaat pada umat, berguna pada bangsa,
Berkat di dunia, rahmat di akhirat, anak cucu selamat.*

4. Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka:

*Apa tanda Melayu jati,
Mentaati ibu bapa sepenuh hati,
Apa tanda Melayu jati,
Kepada ibu bapa ia berbakti.*

5. Setia kepada ketua yang adil dan terpuji:

*Elok kampung ada tuanya, elok negeri ada rajanya,
Adat hidup orang terhormat, kepada pemimpinnya ia taat.*

*Raja adil raja disembah,
Raja zalim raja disanggah.*

6. Halus budi bahasa dan budi pekerti:

*Kalau hendak tahu orang berbangsa,
Tengok kepada budi dan bahasanya;
Dalam berkata berlemah lembut,
Dalam melangkah berpatut-patut,
Bila duduk tahu tempatnya,
Bila tegak tahu adatnya.*

7. Sentiasa bermuafakat, bertegang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat:

*Apa tanda hidup beradat:
Runding selesai dalam muafakat,
Hak ditakar, kewajipan disukai,
Mana yang jauh diperdekat,
Mana yang jarang diperapat,
Mana yang lupa diberi ingat,
Kata putus pendapat pun bulat,
Seia sekata ke laut ke darat.*

8. Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu:

*Apa tanda Melayu budiman,
Tulus ikhlas sesama insan,
Menolong umat mahu berkorban,
Hidup matinya pada kebajikan.*

9. Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas:

*Apa tanda Melayu bertuah:
Hemat cermat dalam melangkah,
Hemat cermat memelihara maruah,
Hemat cermat memelihara lidah,
Hemat bercakap cermat melangkah.*

10. Prihatin tentang harga diri, maruah yang terjelma dalam istilah “menjaga air muka” dan “rasa malu yang mendalam”:

*Adat hidup orang bertuah,
Aib dan malu dijadikan amanah,
Membawa diri tiada menyalah,*

*Malu duduk menengah-nengah,
Malu berdiri sombong dan pongah,
Berbuat kebaikan tiada gah,
Bercakap dengan berlembut lidah.*

11. Tahu tempat letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya:

*Apa tanda orang berruarah:
Tahu letak dengan susunnya,
Tahu duduk dengan tegaknya,
Tahu susur dengan galurnya,
Tahu menjaga adat lembaga,
Tahu memelihara harta pusaka.*

12. Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan:

Apabila kezaliman dan ketidakadilan meruncing maka orang Melayu sanggup 'mengamuk' demi mengembalikan keadilan dan kebenaran walaupun mengorbankan diri sendiri.

*Apa tanda Melayu jati,
Membela keadilan berani mati,
Berani kerana benar,
Berani pada yang hak,
Berani menegakkan keadilan,
Berani menghapus arang di kening,
Berani mati memegang amanah,
Berani mati membela maruah,
Berani mati di jalan Allah.*

13. Menanam budi dan membalas budi:

*Adat hidup orang budiman,
Bertanam budi jadi kebiasaan,
Bila menerima budi orang,
Membalasnya jangan menunggu petang.*

14. Sifat pemaaf dan pemurah:

*Apa tanda Melayu jati,
Dendam kesumat ia jauhi;
Tulus ikhlas bermurah hati,
Kesalahan orang ia ampuni.*

15. Sifat kasih sayang:

*Adat hidup orang yang mulia,
Mengasihi sahabat menyayangi saudara,
Lebih dan kurang tiada berkira,
Pahit dan manis sama dirasakan,
Berkawan tidak memilih bangsa,
Bersahabat tidak memandang harta.*

16. Hidup sederhana:

*Tanda orang berakhlak tinggi,
Sederhana hidupnya sampai mati.*

17. Setia dan rela berkorban:

*Apa tanda Melayu sejati,
Tulus setia di dalam hati,
Rela berkorban sampai mati.*

18. Sikap berdikari:

*Apa tanda Melayu jati,
Di kaki sendiri ia berdiri,
Percaya teguh ke diri sendiri,
Hidup menumpang ia tak sudi,
Percaya kepada kemampuan diri.*

19. Menghormati hak dan milik:

*Apa tanda Melayu jati,
Hak miliknya ia cermati,
Hak milik orang ia hormati,
Membela yang hak berani mati,
Membela hak milik menahan cemati.*

20. Kejujuran dan keikhlasan:

*Apa tanda Melayu jati,
Lidahnyanya jujur hatinya suci,
Apa tanda Melayu budiman,
Jujur dan ikhlas jadi pakaian.*

21. Berbaik sangka terhadap sesama makhluk:

*Apa tanda orang mulia,
Berbaik sangka sesama manusia,
Siapa hidup berbaik sangka,
Dunia akhirat hidup sentosa.*

22. Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang:

*Kalau hidup berterus terang,
Bala menjauh sengketa pun hilang,
Kalau runding terbuka-bukaan,
Beban berat menjadi ringan,
Berterus terang menurut patutnya,
Bertuka-buka merunut layaknya,
Kalau hendak berterus terang,
Niatnya jangan menghina orang.*

23. Sifat amanah:

*Orang amanah membawa tuah,
Orang amanah hidup berruarah,
Orang amanah dikasihi Allah,
Siapa hidup memegang amanah,
Dunia akhirat beroleh berkat.*

24. Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa:

*Apa tanda orang berilmu,
Ianya tahu memanfaatkan waktu,
Pantang Melayu membuang waktu,
Siapa suka mensia-siakan masa,
Alamat hidupnya akan binasa.*

25. Memandang masa depan:

*Kalau memandang jauh ke depan,
Banyaklah bekal perlu disiapkan,
Siapa memandang jauh ke muka,
Hilanglah sifat loba serakah,
Siapa tak mahu memandang ke muka,
Hidupnya sesat anak cucu celaka.*

26. Mensyukuri nikmat Allah:

*Siapa hidup mensyukuri nikmat,
Hidup matinya beroleh rahmat,
Sebarang kerja takkan menyalah,
Hidupnya tidak berkeluh kesah,
Siapa melupakan nikmat Allah,
Alamat hidupnya tak dapat berkat,
Lambat laun akan terlaknat,
Hidup matinya dalam mudarat.*

Demikian 26 teras hati budi Melayu yang disemai dipupuk demi melahirkan Melayu budiman iaitu handal, bijak dan tangkas; pemangkin kepada pembinaan peradabannya. Dalam masyarakat Melayu Islam orang-orang yang dianggap mempunyai nilai etika, moral dan akhlak yang tinggi dan dipandang mulia oleh masyarakat dinamakan sebagai orang yang 'budiman' yang mempunyai tiga sifat utama, iaitu: 1) Budi pekerti dan adab sopan yang mulia, 2) Budi bahasa dan budi bicara yang bernas dan 3) Hati budi yang tinggi, akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu, kebijaksanaan, dan kebaikan.

Puisi Melayu telah mengabadikan kemuliaan hati dan budi seperti dalam rangkapan indah berikut dengan imejan-imejan yang puitis dan bertenaga yang mudah melekat di hati dan ingatan :

*Awal pertama orang berbangsa,
Kedua banyak ribu dan laksa,
Ketiga di majlis bermanis muka,
Keempat banyak berbudi bahasa.*

*Limau manis dimakan manis,
Manis sekali rasa isinya,
Dilihat manis dipandang manis,
Manis sekali hati budinya.*
(Hashim Hj. Musa, 2008, hlm. 1)

Teras hati budi itu diadun dan dipugar untuk mendasari tingkah laku, fiil perangai dan budi bicara bagi melahirkan jati diri manusia Melayu yang budiman, mampu berbakti kepada dirinya, bangsanya dan seluruh umat manusia sejagat.

Namun, apabila terjadi penghakisan terhadap komponen teras hati budi itu akibat serangan fahaman liberalisme, sekularisme dan materialisme Barat, atau luahan sifat-sifat dalaman yang buruk iaitu penyakit hati budi misalnya nafsu serakah, dendam kesumat, hasad dengki, iri hati dan fitnah, maka berlakulah gejala sosial yang parah yang melanda kebanyakan orang Melayu dan masyarakatnya pada zaman lampau dan juga kini.

Semua penyakit hati ini dizahirkan pula sebagai luahan emosi dalam bentuk ucapan, tindakan dan aksi tertentu misalnya mengumpat, memfitnah, menghasut, mengancam,

menghina, mencarut, bersengketa, berkomplot, merasuah, berkonspirasi, memukul, mencedera, membunuh dan lain-lain.

Manifestasi Penyakit Hati dan Padahnya dalam Sejarah Kesultanan Melayu Melaka

Dalam *Sejarah Melayu* Sultan Mahmud Syah yang memerintah Melaka ketika Portugis menyerang Melaka, telah digambarkan sebagai seorang tokoh yang penuh hasad dan iri hati didorong oleh nafsu syahwat yang melonjak-lonjak. Baginda digambarkan sebagai seorang yang suka berzina hatta dengan isteri orang sekalipun iaitu dengan isteri Tun Biajid anak Laksmana Hang Tuah, dan dengan Tun Dewi. Juga Baginda mempunyai keberahian nafsu yang kuat kepada wanita-wanita yang cantik hatta kepada isteri atau tunang orang sekalipun. Contohnya, apabila didengarnya tentang kecantikan Tun Teja Ratna Benggala anak Bendahara Pahang walaupun sudah ditunangkan dengan Sultan Pahang Sultan Abdul Jamil, maka “baginda pun ingin rasanya akan anak Bendahara Pahang itu” (*Sejarah Melayu*, hlm. 217).

Sultan Mahmud juga berdendam ke atas Bendahara Seri Maharaja kerana telah mengahwinkan anaknya Tun Fatimah yang cantik parasnya kepada Tun Ali tanpa pengetahuan Baginda yang juga menginginkan Tun Fatimah:

Baginda berkata dalam hatinya; “Jahatnya Pak Mutahir ini, demikianlah baik anaknya tiada ditunjukkannya kepada kita”. Maka Sultan Mahmud Shah berdendam di dalam hatinya akan Bendahara. (*Sejarah Melayu*, hlm. 247).

Apabila Laksamana Khoja Hasan membawa fitnah Raja Mendeliar (setelah Laksamana disogoknya dengan emas sebahara) iaitu kononnya Bendahara Seri Maharaja sedang berkomplot “kasadnya hendak naik raja di dalam negeri Melaka”, maka Baginda pun terus bertindak membunuh Bendahara serta tiga orang pembesar kerabatnya, tanpa usul periksa kerana “kabullah pada hatinya (yang berdendam), seperti kata orang mengantuk disorongkan bantal, (*Sejarah Melayu*, hlm. 252).

Pembunuhan Bendahara Sri Maharaja telah menjadi faktor kelemahan dalaman yang paling parah bagi Melaka, kerana kepimpinan Bendahara dan keperwiraan Tun Hasan Temenggung merupakan faktor utama dalam kemenangan Melaka menewaskan serangan pertama kuasa Portugis yang diketuai Gonzalo Periera, seperti yang disebut oleh *Sejarah Melayu* (hlm. 240). Dalam serangan Portugis yang kedua yang diketuai oleh Alfonso d’Albuquerque sesudah pembunuhan empat orang pembesar itu dan perpecahan dalaman yang parah, maka kalahlah Melaka.

Gejala Sosial Buruk Masyarakat Melayu Kini: Cerminan Penyakit Hati Yang Berleluasa

Dalam masyarakat Melayu kini ada bibit penyakit hati yang berleluasa yang dimanifestasikan oleh beberapa gejala sosial yang buruk yang sedang melandanya terutama sekali golongan yang berpengaruh dan berwibawa dan juga golongan muda.

Mohd Kamal Hassan (1996, hlm. 233) telah memperturunkan 15 gejala sosial yang buruk yang melanda masyarakat Melayu kini yang boleh dikaitkan dengan penyakit hati yang menjejaskan nilai akhlak dan moral, antaranya pandangan dan pegangan liberal-sekular, untung/manfaat wang dan harta benda diutamakan, gaya hidup menunjuk-nunjuk dan berlagak, menagih kemewahan, penimbunan harta tanpa keinsafan berzakat, sindrom politik wang, pembelian undi untuk jawatan dalam parti dan kerajaan, sindrom kelemahan unsur moral, pengurus dan pegawai-pegawai tinggi menyalahgunakan kuasa, rasuah, penipuan, dan lain-lain, amalan hamba-tuan (*patron-client*) yang berlebihan, gejala lepak dan delinkuen juvana, ribuan belia melepak di kompleks beli-belah, perhentian bas dan pusat hiburan, 83% daripadanya ialah Melayu, 70% merokok, 41% menyalahgunakan dadah, 25% minum arak, 39% melihat bahan lucah, 18% berzina, 28% berjudi dan 16% mencuri, sindrom mediokriti/rendah pencapaian, tiada motivasi untuk cemerlang, sindrom pergantungan kepada biasiswa, subsidi, bantuan, pinjaman dan kontrak dari kerajaan, kecenderungan untung segera, penubuhan syarikat Ali-Baba, Ali-Samy, nilai rendah terhadap masa, pembaziran masa dengan omong kosong, orientasi akhirat keterlaluan, konsep ibadat sempit, kurang kepada aspek kemasyarakatan dalam bidang *mu`amalat*, *mu`asyarat*, dan akhlak, kepercayaan tahyul tinggalkan daripada kepercayaan animisme, gejala fitnah dan umpatan, dan pelbagai bentuk persundalan dan jenayah seks, perzinaan, pelacuran, sumbang muhrim, rogol, pesta liar yang menggemburkan seks, yang melahirkan gejala anak haram dan pembuangan bayi.

Iktibar daripada tragedi pada zaman Melaka itu ialah bahawa luahan emosi dalam bentuk ucapan, tindakan dan aksi buruk daripada nafsu serakah, tamak, hasad dengki, iri hati dan dendam kesumat terutama sekali di kalangan pemimpin, pentadbir dan pembesar negara, jika tidak dibendung bahkan dibiarkan berleluasa, amatlah parah padahnya kepada ketahanan dalaman sesebuah negara. Keadaan negara yang rapuh daripada dalaman itu apabila disertai dengan serangan musuh daripada luar, akan membawa kepada kekecundangan dan keruntuhannya.

Gejala-gejala kelemahan dalaman ini seperti juga yang digambarkan oleh gejala sosial yang buruk kini, iaitu tamak haloba, hasad dengki, dendam kesumat, nafsu serakah jika berleluasa dan berterusan boleh membentuk detik dan tahap penyudah sebelum berakhirnya sesebuah negara bangsa dan tamadun jika disertai pula oleh serangan dan pencerobohan daripada kuasa luar, seperti yang dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji tamadun.

Kajian Hati Budi Melayu: Penilaian Kendiri Keakuran atau Penyimpangan 26 Teras Hati Budi Melayu

Demi mengenal pasti keadaan sebenar hati budi orang Melayu kini, iaitu sejauh mana masih akur dengan 26 terasnya dan sejauh mana telah menyimpang daripadanya, maka satu kajian di bawah Geran Universiti Penyelidikan 2009-2011 (*Research University Grants Scheme 2009-2011*) sedang dijalankan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Univeriti Putra Malaysia.

Kajian ini mengandungi dua fasa, iaitu:

- 1) Fasa 1: soal selidik
- 2) Fasa 2: pembinaan alat pengukuran diagnostik penilaian kendiri teras hati budi Melayu berdasarkan laman web dan perisian (*web-based and software diagnostic self-testing assessment tools*)

Fasa 1: soal selidik untuk meneliti keadaan hati budi orang melayu dari segi keakuran atau penyimpangan daripada terasnya

Bagi melihat dan seterusnya meneliti sejauh mana keakuran atau penyimpangan teras hati budi Melayu di kalangan individu dan kumpulan dalam masyarakat Melayu kini, satu set soalan berbentuk soal selidik telah dibangunkan. Set soalan itu mengandungi lima komponen iaitu:

- 1: Demografi,
- 2: Soal Agama,
- 3: Soal Didik,
- 4: Soal Nilai,
- 5: Soal Ilmu.

Satu kajian rintis telah dilakukan pada bulan Ogos tahun 2009 di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur maka kajian sebenar telah dimulakan bulan September 2009. Skala Likert dipilih sebagai penanda dalam setiap pilihan jawapan oleh responden. Penanda aras bagi setiap pilihan jawapan ialah:

- 1 = sangat tidak setuju
- 2 = tidak setuju
- 3 = tidak pasti
- 4 = setuju
- 5 = sangat setuju.

Bagi tujuan melancarkan proses penganalisan data mentah untuk mencapai objektif kajian, satu tatacara pemarkahan untuk setiap jawapan bagi soalan dalam borang soal selidik telah disediakan. Contohnya, bagi soalan yang jawapan dikehendaki ialah nombor 5 dan responden memilih nombor 5, dia akan diberikah 5 markah, manakala jika dia

menjawab sebaliknya iaitu nombor 1 maka nilai markah yang diperolehinya ialah 1. Seterusnya bagi soalan yang jawapan dikehendaki ialah 1 dan responden memilih nombor 1, maka markah yang diperolehinya adalah 5, sebaliknya jika ia memilih jawapan nombor 5, maka markahnya 1.

Hasil kajian sehingga kini (yang masih berjalan) iaitu berdasarkan 204 responden adalah seperti yang berikut;

1. Soal Agama : Cemerlang = 74.5%, Baik = 22%, Sederhana = 2.4%, Lemah = 0.9%
2. Soal Didik : Cemerlang = 39.7%, Baik = 58.3%, Sederhana = 0.9%, Lemah = 0.9%
3. Soal Nilai : Cemerlang = 70.5%, Baik = 27.9%, Sederhana = 0.9%, Lemah = 0.4%
4. Soal Ilmu : Cemerlang = 70%, Baik = 28.4%, Sederhana = 1.4%, Lemah = 0%

Analisis awal hasil kajian ini menunjukkan bahawa orang Melayu pada umumnya masih ada agama, nilai dan ilmu (melebihi 70%) tetapi kurang daripada segi didikan yang menyebabkan amalan dan pelakuan mereka terjejas iaitu tidak dapat diterapkan atau diterjemahkan apa yang diketahui ke dalam bentuk pelakuan dan kehidupan yang sebenar. Inilah faktor utama yang melahirkan begitu banyak gejala sosial di kalangan orang Melayu kini!

Fasa 2: membina alat pengukuran diagnostik penilaian sendiri teras hati budi melayu berasaskan laman web dan perisian

Objektif kedua penyelidikan adalah untuk membangunkan satu alat pengukuran diagnostik penilaian sendiri berasaskan laman web dan perisian (*web-based and software diagnostic self-testing assessment tools*) yang bertujuan mengenal pasti keadaan sebenar hati budi orang Melayu kini, iaitu sejauh mana masih akur dengan 26 terasnya atau sejauh mana telah menyimpang daripadanya. Pembinaan alat pengukuran diagnostik penilaian sendiri ini akan menjadi penanda aras kepada pencapaian penyelidikan yang dijalankan ini.

Konsep yang hampir sama dengan soal selidik digunakan, cuma diubah kepada satu bentuk perisian bagi mengesan sebarang perubahan yang berlaku dalam masyarakat Melayu yang menjadi tunjang utamanya, iaitu 26 teras hati budi yang telah diterangkan pada awal penulisan artikel ini. Di dalam alat pengukuran yang berbentuk laman web dan juga perisian ini akan diprogramkan proses penjumlahan markah secara automatis bagi setiap responden berdasarkan jawapannya. Dan seterusnya berdasarkan jumlah markah itu, maka responden boleh menjanakan skornya secara automatis iaitu:

- A = cemerlang (keakuran yang sempurna dengan teras hati budi Melayu),
- B = baik (keakuran yang baik),
- C = sederhana (keakuran yang sederhana atau penyimpangan yang sederhana),
- D = lemah (keakuran yang lemah atau penyimpangan yang besar).

Kesimpulan

Alat ini boleh berfungsi sebagai satu kaedah yang mampu melakukan penilaian diagnostik sendiri tentang keakuran ataupun penyimpangan daripada 26 teras hati budi Melayu bagi individu dan kumpulan-kumpulan dalam masyarakat Melayu. Berasaskan tahap skor penilaian sendiri itu, maka kita boleh mengenal pasti kekuatan atau sebaliknya kelemahan keperibadian Melayu kini dalam kalangan orang Melayu secara individu dan juga secara berkelompok. Juga dapat dikenal pasti apakah aspek-aspek kelemahan keperibadian itu iaitu, sama ada dalam aspek agama, pendidikan, nilai, dan ilmu pengetahuan.

Penilaian sendiri demikian itu boleh dilakukan ke atas kumpulan-kumpulan orang Melayu misalnya golongan belia, golongan korporat, golongan pentadbir, golongan eksekutif, pelajar IPT, penduduk kawasan perumahan di bandar, di pinggir bandar, dan di luar bandar, kumpulan-kumpulan yang menjalani bengkel motivasi tertentu misalnya daripada pelbagai pertubuhan, perbadanan dan persatuan. Setelah skor diperolehi dan tahap keakuran ataupun penyimpangan dikenalpasti, maka program motivasi, latihan, pemupukan dan pengukuhan komponenn-komponenn teras hati budi Melayu itu dapat diolah dan dilaksanakan. Melalui program-program latihan, pemupukan dan pengukuhan demikian, maka diharapkan 26 teras hati budi Melayu itu dapat disemai dan dihayati oleh individu dan masyarakat Melayu, demi menjadikan mereka modal insan yang kukuh dan berwibawa yang dapat membangunkan bangsa dan peradaban mereka pada masa hadapan.

Oleh itu usaha memperkukuh dan mengembalikan kekuatan yang menjadi asas warisan Melayu lama ke dalam hati budi atau *the Malay psyche* masyarakatnya amatlah penting dan mendesak sekali. YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak menegaskan (2006:15), "Untuk menjadi unggul, kita mesti membina kembali hati budi kita dan menysihkan diri daripada mediokriti (*To be truly exceptional, we must reform our psyche and rid ourselves of mediocrity*)"

Teras hati budi Melayu terungkap dalam puisi Melayu lama mencerminkan budi pekerti yang mulia, budi bahasa yang santun dan akal budi yang tinggi seperti yang dapat dilihat dalam pantun-pantun di bawah:

*Nanas dijual di pasar niaga,
Ramai orang datang membeli;
Emas perak perhiasan dunia,
Budi bahasa perhiasan diri.*

*Padi perak berdaun suasa,
Buahnya mengurai emas merah;
Sudah berbudi lagi berbahasa,
Itulah tanda bestari bertuah.*

*Pucuk manis pucuk lenggundi,
Daun purut digetus rusa;
Yang manis bernama budi,
Yang indah bernama bahasa.*

Rujukan

- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad Al-Ghazaly (1971). *Ihya' `Ulumuddin (Jiwa Agama)*. Terjemahan Maisir Thaib & A. Thaher Hamidy. Medan: Pustaka Indonesia.
- Al-Attas, S. M. Naquib. (1995). *Prolegomena to the metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Razi, Fakhar al-Din. (1969). *Ilmu al-akhlaq*. English Translation M. S. Hassan Mas`umi, Islamabad: Islamic Research Institute.
- Cortesao, A (ed.). (1944). *The sume oriental of tome pires: An account of the east, from the red sea to Japan, written in Malacca and India in 1512-1515*. 2 Volumes, London: Hankuyt Society Works.
- Elegant, S. (1999). *Far Eastern Economic Review*, 10 Jun, hlm. 45.
- Fromm, E. (1942). *Character and the social process*. New York: Routledge.
- Hashim Hj. Musa. (2001). *Falsafah, logik, teori nilai dan etika Melayu: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Hj. Musa. (2005). The theory of knowledge and language: An alternative view from Malay studies perspective. *AFKAR, Journal of Akidah & Islamic Thought*, 6, Mei 2005, 193-224.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Hj. Musa. (2010). *Pemeriksaan dan Integrasi Masyarakat Malaysia melalui Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II: Bahasa Pemikiran dan Integrasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. hlm. 268-278.
- Lee Su Kim. (2003). Exploring the relationship between language, culture and Identity. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 3(2).
- Mohd Kamal Hassan. (1996). *Towards actualizing Islamic ethical and educational principles in Malaysian society*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Mohd Najib Tun Abdul Razak, Dato Sri. (2006). *Globalising Malaysia: Towards building a developed nation*. Kuala Lumpur: MPH.

Muhammad Yusoff Hashim. (1989). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raja Ali Haji. (1932/1965). *Tuhfat al-nafis*. Naskhah Rumi oleh Munir bin Ali. Singapura: Malayan Publication Ltd.

Siti Sarah Ab Karim & Normahdiah Sheikh Said. (2010). Mengenal hati budi Melayu membantu pengintegrasian pemikiran budaya bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II: Bahasa, Pemikiran dan Integarasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. hlm. 638-644.

Shellabear, W. G. (peny.). (1967). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Tenas Effendy. (2004). *Tunjuk ajar Melayu*. Yogyakarta: Adicita Karya Nusa.

Penulis

Hashim Hj. Musa (Ph.D) ialah Profesor Linguistik Melayu di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), mengkhusus dalam bidang teori tatabahasa, sosiolinguistik dan epigrafi Melayu.

Normahdiah Sheik Said (Ph.D) ialah Pensyarah di Jabatan dan Fakulti yang sama mengkhusus dalam bidang Ergonomik Kognitif (Interaksi Manusia dan Komputer).

Rozita Che Rodi ialah Felo Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Fellow*) dan calon Ph.D di Jabatan dan Fakulti yang sama.

Siti Sarah Ab Karim ialah Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di *iDEC*, UPM, juga calon Ph.D di Jabatan dan Fakulti yang sama.